PENANG

1 - 15 JUN, 2026

PERCUMA

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Penang Durian Valley @Relau

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **SIEW CHIA EN**



KETUA Menteri dibawa meninjau hasil durian ketika lawatan ke tapak projek *Penang Durian Valley @ Relau* baru-baru ini. Turut sama, Wong Hon Wai (kanan sekali) dan Mohd. Muhaimin Ibrahim (kiri sekali).

**PAYA TERUBONG** – Pulau Pinang terus memperkukuh sektor agropelancongan menerusi pelaksanaan projek *Penang Durian Valley @Relau* (PDV), sebuah hab bersepadu berasaskan durian yang dijangka siap pada April 2027.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa projek berkenaan merupakan penjenamaan semula Pusat Pertanian Relau menjadi destinasi ekopelancongan yang lebih komprehensif, merangkumi pembangunan fizikal seperti bangunan baharu, infrastruktur rekreasi, kawasan hijau serta kemudahan tempat letak kereta.

"Apabila siap kelak, PDV akan berfungsi sebagai hab penyelidikan dan pembangunan (R&D), pendidikan serta pusat pengumpulan data bagi pelbagai varieti durian di Malaysia.

"Inisiatif ini sekali gus meletakkan Pulau Pinang sebagai negeri maju dalam bidang pertanian berteraskan penyelidikan dan inovasi," katanya ketika mengadakan lawatan ke tapak projek berkenaan di sini 2 Mei lalu.

Turut hadir, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai; Pegawai Daerah Timur Laut, Ismasuhaimi Shariff; Pengarah Pertanian Negeri Pulau Pinang, Mohd. Muhaimin Ibrahim; Pengarah Project Delivery, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCER), Muhammad Fazilullah Abdul Aziz; Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Kamarul Azlan Mustaffa; serta wakil-wakil daripada Jabatan Pelesenan, Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Landskap Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan lain-lain jemputan.

Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menyatakan bahawa kawasan keseluruhan projek meliputi 61.4 ekar, namun fasa pembangunan semasa melibatkan kawasan seluas 22.3 ekar dengan kemajuan projek telah mencapai 24 peratus setakat 30 April 2026.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa PDV turut berpotensi menjadi pusat pengumpulan pelbagai varieti durian tempatan, termasuk cadangan untuk menanam sehingga 300 varieti durian dari seluruh negara pada fasa akan datang.

"Ketika ini, Pulau Pinang mempunyai kira-kira 40 varieti durian yang menjadi pilihan peminat tempatan dan pelancong luar, termasuk pelawat antarabangsa yang datang khusus untuk menikmati durian.

*(Sambungan di muka 2).*

# Dapur Sentral iTEKAD bantu tembusi pasaran halal global

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
**Gambar : ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BATU MAUNG -** Inisiatif Dapur Sentral iTEKAD terus diperkukuh sebagai platform strategik dalam membantu usahawan makanan halal tempatan memperoleh pensijilan halal sekali gus meningkatkan daya saing mereka di pasaran.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pusat kedua Dapur Sentral kini beroperasi di Permatang Damar Laut, Daerah Barat Daya, sebagai pelengkap kepada pusat pertama di kompleks *Penang Times Square*, Jalan Datuk Keramat bagi Daerah Timur Laut.

"Program yang dilaksanakan bersama pasukan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCER) itu memberi tumpuan kepada pengusaha makanan halal yang memerlukan bimbingan menyeluruh untuk mendapatkan pensijilan halal.

"Namun begitu, program ini bukan sahaja membantu dari segi ilmu, malah memberi panduan lengkap mengenai proses pensijilan halal agar usahawan dapat memenuhi syarat yang ditetapkan.

"Sehubungan itu, matlamat utama program ini adalah untuk memastikan usahawan berjaya memperoleh pensijilan halal yang seterusnya membuka peluang pembekalan ke pasar raya selain menembusi pasaran eksport," katanya semasa sesi turun padang menerusi 'Jelajah CM Chow' di sini 2 Mei lalu.

Hadir sama, Pengerusi Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang, Tan Sri Khalid Ramli; Ketua Wilayah, Pejabat Negeri Perak dan Pulau Pinang, NCER, Fauzan Ismail; Pengarah Project Delivery NCER, Muhammad Fazilullah Abdul Aziz; Pengarah Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM), Dr. Syaharudin Shah Mohd. Noor dan lain-lain.

Mengulas lanjut, Kon Yeow turut memaklumkan bahawa peserta program akan mengikuti latihan secara komprehensif selama antara 15 hingga 18 bulan, meliputi pelbagai aspek penting dalam pembangunan perniagaan makanan halal.

"Latihan yang disediakan merangkumi penyediaan produk mengikut piawaian halal, pengurusan kewangan, perakaunan serta strategi pemasaran dan promosi bagi memastikan peserta lebih bersedia dan berdaya saing.

"Sepanjang tempoh berkenaan, peserta masih boleh meneruskan perniagaan masing-masing, namun tanpa sijil halal, mereka tidak layak menjadi pembekal kepada pasar raya, restoran mahupun hotel," jelasnya lagi.



**ANTARA peserta Dapur Sentral iTEKAD Barat Daya teruja dapat meneroka peluang meningkatkan kemahiran dalam perniagaan berasaskan produk sendiri dari rumah.**




**PESERTA program Dapur Sentral iTEKAD tidak melepaskan peluang merakam kenangan bersama Ketua Menteri, Khalid Ramli (belakang empat dari kiri), barisan kepimpinan NCER dan ICU JPM sempena sesi Jelajah CM Chow di sini pada 2 Mei 2026.**

Sementara itu, Khalid menyatakan bahawa pihaknya memberikan sokongan penuh terhadap pelaksanaan Dapur Sentral sebagai usaha memperkasakan usahawan tempatan.

"Program ini dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi termasuk NCER, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) bagi memastikan setiap aspek pematuhan dapat dipenuhi.

"Di samping itu, pihak (Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang) turut menyalurkan sumbangan kewangan bersama NCER bagi menyokong perkembangan program Dapur Sentral ini agar lebih ramai usahawan tempatan dapat dibantu," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, Fauzan turut memaklumkan bahawa selain dua pusat sedia ada, perancangan sedang dibuat untuk mewujudkan sebuah lagi pusat di Seberang Perai Tengah (SPT) bagi meliputi keperluan tiga daerah utama di negeri ini.

"Program ini memberi penekanan kepada peningkatan kemahiran individu serta penyediaan kemudahan lengkap kepada usahawan, khususnya mereka yang menjalankan perniagaan berasaskan produk sendiri dari rumah.

"Matlamat jangka panjang adalah untuk mengukuhkan ekosistem halal Pulau Pinang serta membuka lebih banyak peluang pasaran di peringkat tempatan dan antarabangsa.

"Sehubungan itu, usahawan yang berminat digalakkan untuk berdaftar dan memanfaatkan fasiliti Dapur Sentral sepenuhnya bagi memastikan mereka memperoleh manfaat optimum daripada program ini," tambahnya.

*(Sambungan dari muka 1).*

# Hab agropelancongan nasional

"Dengan konsep *'experiential tourism'*, kita berharap pusat ini mampu menawarkan pengalaman unik kepada pengunjung, di samping membuka peluang ekonomi kepada pengusaha dusun dan pemain industri berkaitan," ujarnya.

Tambah beliau, projek tersebut juga akan memanfaatkan kepakaran teknologi negeri ini selaras dengan reputasi Pulau Pinang sebagai *'Silicon Valley'* Malaysia untuk memperkasa sektor pertanian moden.

Dalam pada itu, Kon Yeow merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas peruntukan yang disalurkan melalui NCER bagi menjayakan projek berkenaan.

"Konsep agropelancongan yang digabungkan dengan elemen R&D menjadikan projek ini unik dan berdaya saing, sekali gus menarik sokongan kementerian berkaitan untuk diluluskan," katanya.

Terdahulu, Kerajaan Negeri turut menganjurkan pertandingan idea reka bentuk bagi pembangunan projek tersebut yang sebahagiannya telah diterapkan dalam pelaksanaan PDV.




**KETUA Menteri bersama-sama pelaksanan projek *Penang Durian Valley @Relau* mengadakan lawatan ke tapak projek berkenaan di sini pada 2 Mei lalu.**

ATLET CEMERLANG AKADEMIK

# Akademik cemerlang teladan kepada adik-adik



Ahmad Haikal Azizan.



FOKUS menjadi pegangan Ahmad Haikal Azizan ketika menyertai mana-mana perlawanan.

**DIANGGAP** sebagai jaguh ragbi sejak di bangku sekolah bukan alasan untuk ketinggalan dalam pencapaian akademik.

**AHMAD HAIKAL AZIZAN**, 18, mungkin antara contoh anak Pulau Pinang yang telah berjaya apabila baru-baru ini diumum meraih deretan 9A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pada 13 April lepas, bekas pelajar Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) berkenaan tersenarai dalam 121 atlet Pulau Pinang yang menerima insentif melalui pelbagai bentuk bantuan bawah program Kerjaya dan Pendidikan Atlet Pulau Pinang (PACE).

Sambil menunggu panggilan untuk melanjutkan pengajian di mana-mana universiti awam, Ahmad Haikal kini memberi sepenuh perhatian dan masa pada sesi latihan bersama pasukan ragbi negeri bagi memburu kedudukan yang lebih baik sempena temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2026, pada musim saingan Ogos nanti.

Pada 29 April 2026, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** bersama-sama jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** berpeluang menemu ramah Ahmad Haikal di Dewan Cemerlang, Kompleks Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP).

Ketua Unit PACE MSNPP, **AZURA ABDUL RAHMAN** turut menyertai sesi bicara wara pelajar serba boleh berkenaan.

Memulakan bicara, Ahmad Haikal menyatakan bahawa semasa di Tingkatan 1 MCKK, beliau cenderung pada sukan bola keranjang, sesuai ekosistem persekolahan yang berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada waktu itu.

"Dengan ketinggian 170 sentimeter (sm), saya berasa bola keranjang bukan sukan yang sesuai.

"Kebetulan pada waktu itu, Adam Anaqi Afqar yang merupakan kapten dan 'bintang' ragbi MCKK mempelawa saya menyertai pasukannya sebagai persiapan memburu kejuaraan dalam Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Perak (MSSPK), lalu, saya mula berjinak-jinak dan berasa sukan ini lebih sesuai dengan tubuh dan minat saya," jelasnya yang merupakan anak jati Permatang Pauh.

Bak benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau, pada temasya Kejohanan Ragbi Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Perak (MSSPK) tahun 2024, secara keseluruhannya menyaksikan Pasukan Ragbi Kuala Kangsar menamatkan kejohanan di kedudukan dua terbaik dalam pungutan mata keseluruhan bagi acara ragbi, dengan bersaing rapat dengan daerah Larut Matang & Selama (LMS) dan Kinta Utara.

Pun begitu, beliau mengambil keputusan untuk tidak terlalu aktif dalam pasukan ragbi sekolah semasa di Tingkatan 5 kerana mahu memberi lebih tumpuan dalam peperiksaan SPM.

"Ibu bapa saya memang memainkan peranan yang penting supaya saya senantiasa dapat mengimbang antara pencapaian akademik, tanggungjawab sebagai pemimpin pelajar sebab saya adalah seorang pengawas sekolah, dan minat dalam sukan (ragbi).

"Mereka beritahu saya: 'main ragbi bila-bila masa pun boleh main (sama ada semasa di bangku sekolah atau selepas tamat persekolahan), tapi, SPM datang sekali sahaja dalam seumur (semasa di Tingkatan 5).

"Oleh kerana saya nak tempuh SPM yang datang sekali sahaja seumur hidup ini, maka, saya fokus pada 'peperiksaan besar' ini sahaja serta tak beraksi sempena temasya MSSPK 2025," ujarnya sambil menganggap keputusan itu adalah wajar.

Berbicara lanjut, Ahmad Haikal menganggap bahawa ragbi bukan sahaja sekadar sukar, malah merupakan sebahagian gaya hidup warga pelajar MCKK.

Justeru, beliau senantiasa belajar menyesuaikan diri dengan ekosistem MCKK demi memburu kecemerlangan akademik dan kemenjadian dari sudut sahsiah kepimpinan.

"Ada setengah pelajar memang dianugerahkan kepandaian, daya ingatannya macam mesin pengimbas sahaja, memadai boleh faham dan ingat perkara yang diajar dalam kelas.

"Macam saya, sebagai atlet sukan, apabila banyak berlaku sentuhan fizikal semasa di padang, saya perlu mengulang kaji pada masa lapang walaupun sedikit.

"Jadi, apa-apa yang dipelajari dalam kelas, apabila ada masa lapang sahaja sekitar sejak pada waktu malam atau selepas sesi latihan, saya akan memanfaatkan untuk mengulang kaji pelajaran," ulasnya sambil berkata yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang.

Tambah-tambah apabila ditaklifkan sebagai pengawas sekolah, Ahmad Haikal memberitahu bahawa rekod pencapaian akademik mesti senantiasa cemerlang supaya kelak menjadi teladan kepada adik-adik di MCKK apabila kita meninggalkan sekolah.

*(Sambungan di muka 5).*



# Perkukuh interaksi dua hala

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**KEPALA BATAS** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menggesa rakyat negeri ini agar tidak berasa malu atau segan untuk mengemukakan sebarang permasalahan yang dihadapi kepada pihak Kerajaan Negeri.

Menurut beliau, terdapat pelbagai saluran yang disediakan bagi membolehkan rakyat menyalurkan aduan, bermula daripada peringkat akar umbi seperti Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), pemimpin parti (Kerajaan Perpaduan), Ahli Majlis sehinggalah kepada barisan Ahli Exco, menteri dan Ketua Menteri sendiri.

"Bukan setiap hari Ketua Menteri boleh turun ke semua lokasi, namun melalui organisasi akar umbi, kita (Kerajaan Negeri) sentiasa bersedia menerima dan memberi perhatian terhadap apa juga isu yang dibangkitkan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita usai mengadakan Jelajah Ketua Menteri ke Kawasan Parlimen Kepala Batas dekat Pasar Pagi Kepala Batas, di sini 11 April lalu.

Turut hadir, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang juga Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bertam, Dato' Seri Reezal Merican Naina Merican; ADUN Pulau Tikus, Joshua Woo Sze Zeng; Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri, Lay Hock Peng serta Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Ooi Yong Wooi, Teh Chuann Yien dan K. Yoganraj Thever.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menegaskan bahawa interaksi dua hala antara rakyat dan Kerajaan Negeri adalah kunci utama dalam memastikan setiap permasalahan dapat ditangani dengan berkesan.

Sebagai contoh, beliau memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri sebelum ini berjaya menyelesaikan isu pemilikan tanah yang berlarutan sekian lama melibatkan beberapa rumah dan lot kedai di kawasan tersebut.

"Isunya premis-premis berkenaan berada di bawah satu lot besar walaupun pemilik telah menduduki hartanah masing-masing sejak berpuluh tahun kerana mereka mempunyai rumah tetapi tiada geran individu.

"Namun, selepas isu ini dibawa oleh saudara Lay Hock Peng dan seterusnya kepada saya, maka kita berjaya mencari penyelesaian yang mana walaupun bukan sempurna tetapi sekurang-kurangnya pemilik kini mempunyai geran yang sah," jelasnya.

Tambah beliau, kejayaan tersebut membuktikan bahawa komunikasi



**KETUA Menteri bersama Reezal Merican Naina Merican (berbatik dan bertopi) menyantuni salah seorang peniaga di pasar pagi di sini pada siri Jelajah CM Chow baru-baru ini.**

berterusan antara rakyat dan Kerajaan Negeri mampu menghasilkan penyelesaian yang memberi manfaat kepada semua pihak.

Sehubungan itu, Kon Yeow menyeru rakyat agar tampil ke hadapan dan memainkan peranan aktif dalam menyuarakan isu yang dihadapi.

"Kita mahu rakyat terus berinteraksi dengan Kerajaan Negeri.

"Kerajaan Negeri bukan 'Superman' yang boleh tahu semua masalah dalam satu masa, justeru kerjasama dan maklum balas daripada rakyat amat penting supaya setiap isu dapat kita teliti dan ditangani dengan sewajarnya," ujarnya.

Sementara itu, Chee Keong menyatakan bahawa program tersebut merupakan sebahagian daripada siri jelajah yang telah diadakan di beberapa pasar di seluruh negeri, dengan edisi kali ini berlangsung di kawasan Bertam, Kepala Batas.

"Tujuan utama jelajah ini adalah untuk berinteraksi secara langsung dengan rakyat, mendengar sendiri isu-isu yang mereka hadapi serta melihat keadaan sebenar di lapangan bersama barisan pemimpin Kerajaan Negeri, sama ada pada peringkat negeri mahupun Persekutuan.

"Melalui interaksi ini, kita juga berpeluang memberikan penjelasan mengenai isu semasa seperti harga minyak serta dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan bahawa pihaknya turut mengambil kesempatan mempromosikan amalan lestari dengan mengedarkan beg guna semula kepada orang ramai, selaras dengan dasar hijau yang dilaksanakan di Pulau Pinang.

Chee Keong menambah, pendekatan turun padang tersebut bukan sahaja membolehkan pemimpin mendengar pandangan rakyat, malah memberi ruang untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan secara langsung.

"Interaksi seperti ini amat baik kerana berjaya mewujudkan komunikasi dua hala.

"Kita bukan sahaja mendengar suara rakyat, tetapi juga dapat memberikan penjelasan serta menjawab soalan mereka secara langsung.

"Malah, ada dalam kalangan rakyat yang menyatakan mereka jarang ke Pulau Pinang (pulau), justeru program seperti ini membolehkan pemimpin turun sendiri ke kawasan seperti Kepala Batas dan kawasan luar bandar untuk mendengar pandangan mereka," ujarnya.

Dalam pada itu, Hock Peng turut menyeru masyarakat, khususnya di kawasan Kepala Batas dan kawasan luar bandar supaya terus menyalurkan sebarang aduan atau permasalahan kepada wakil rakyat dan saluran yang disediakan.

Beliau memberitahu bahawa pihaknya sentiasa bersedia untuk membantu menyelesaikan isu yang dibangkitkan rakyat selaras dengan komitmen perkhidmatan kepada masyarakat.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow; Menteri, Steven Sim Chee Keong dan ADUN Bertam, Dato' Seri Reezal Merican Naina Merican serta semua pihak yang bersama-sama turun padang bertemu rakyat di kawasan ini.

"Kita mengalu-alukan penduduk di Kepala Batas dan kawasan luar bandar untuk menghubungi kami sekiranya mempunyai sebarang masalah," katanya.

*(Sambungan di muka 6).*



**KETUA Menteri dengan diiringi Reezal Merican Naina Merican (bertopi) dan Steven Sim Chee Keong (kanan sekali) sempat singgah di salah sebuah premis perniagaan barangan antik di sini baru-baru ini.**

*(Sambungan dari muka 3).*

# “Bersungguh-sungguh selebihnya tawakal”

Melihat ke depan, Ahmad Haikal berkata bahawa beliau memang ada mengarang impian untuk menyambung pengajian dalam bidang perubatan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

“Perancangan saya, kalau nak melanjutkan pengajian ke luar negara, seboleh-bolehnya mendapat biasiswa kerajaan, dengan sedemikian saya diikat dengan jaminan pekerjaan apabila habis belajar nanti.

“Kalau dapat tajaan daripada mana-mana syarikat pun, akan saya pertimbangkan untuk jurusan berkaitan data raya dan sebagainya, asalkan ada prospek kerjaya yang bagus kelak.

“Kalau nak melanjutkan pengajian di dalam negara, saya pilih bidang perubatan di UIAM, kerana bidang ini kritikal dan dijangka memerlukan lebih ramai doktor bertauliah bagi memenuhi keperluan pada masa depan, sesuai dengan Malaysia yang kian bergerak ke status negara menua,’’ katanya.

Mengakhiri sesi bual bicara selama hampir 40 minit, Ahmad Haikal berharap paling penting bukan kisahnya sebagai pemain ragbi negeri serta kejayaannya meraih deretan 9A dalam peperiksaan SPM, tapi menyeru semua pelajar supaya bersungguh-sungguh semasa belajar dalam ekosistem persekolahan yang kian mencabar.

“Kita kena minta secara bersungguh-sungguh, baru Allah S.W.T akan menganugerahkan kejayaan yang barakah di sebalik apa jua pekerjaan yang sedang kita usahakan.

“Tidak kira sama ada semasa saya (beraksi) di padang atau di dalam kelas ataupun di sekitar MCKK, berusaha dan bertawakal (kepada Allah S.W.T).

“Tidak ada apa-apa yang perlu dirahsiakan di sebalik kejayaan akademik ini (melainkan) belajar secara bersungguh-sungguh, berdoa dan selebihnya menyerahkan diri (tawakal) kepada Allah S.W.T.

“Kalau nak main (ragbi), main sungguh-sungguh; (dan) kalau nak berjaya dalam akademik (SPM) pun, belajar bersungguh-sungguh juga.

“Kalau kisah yang ‘kecil’ ini boleh menjadi sumbu yang membakar semangat mereka yang masih belajar di bangku sekolah, ambil sebagai pembakar semangat untuk lebih bersungguh-sungguh tidak kira semasa belajar atau merebut kedudukan dalam apa juga arena sukan.



**AKSI lasak yang dipamerkan Ahmad Haikal Azizan ketika di padang.**

“Kena ingat, kalau ragbi nombor satu sekali pun, pencapaian akademik bukan nombor dua (melainkan mesti nombor satu dan cemerlang juga),” kongsinya.





LUMINA RESIDENCE — GEORGETOWN —

- Hak milik kekal
- Terletak di kawasan bandaraya Georgetown, Pulau Pinang, dan dikelilingi pelbagai kemudahan dan keperluan gaya hidup moden
- Lumina Residence adalah sebuah pembangunan yang hanya merangkumi dua menara dan jumlah 596 unit kondominium
- Setiap unit merangkumi 3 bilik tidur, unit saiz daripada 1,206sqft -1,518sqft
- Terdapat 9 unit setiap tingkat, dilengkapi dengan 3+1 lif

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:
**+604 229 6288**
Pusat Jualan: 52, Jln Sultan Ahmad Shah, 10400 Penang

Pembangunan oleh
**Unicorn Salute Sdn Bhd**

Nama Projek: Lumina Residence • Pemaju: Unicorn Salute Sdn Bhd 202201032342 (1478039-M) • No Lesen Pemaju Perumahan: 30717/03-2029/0059(N) • Tarikh Sah: 15.03.2024 hingga 14.03.2029 • No. Permit Iklan & Jualan: 30717-1/10-2027/0980(A)-(S) • Tarikh Sah: 25.10.2024 hingga 24.10.2027 • Hak Milik: Pegangan Bebas • Badan Kelulusan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No Kelulusan Pelan Bangunan: MBPP.OSC-PB/2023 • Harga Min: RM1,176,450.00 • Harga Mak: RM1,730,750.00 • Jumlah Unit: 596 • Tarikh Dijangka Siap: Nov 2028 • Harga Untuk Bumiputera: Diskaun 5% •

Semua lukisan dan ilustrasi yang terkandung di dalam iklan ini adalah lakaran pelukis semata-mata. Semua pelan, spesifikasi, ukuran dan maklumat yang terkandung adalah tertakluk kepada perubahan, pembetulan dan pertukaran seperti yang dikehendaki oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau arkitek projek tanpa notis terdahulu kepada pembeli dan tidak boleh dianggap sebahagian daripada tawaran ataupun kontrak.

*(Sambungan dari muka 4).*

# Turun padang lihat sendiri

Menurut beliau, pelbagai saluran disediakan bagi memastikan setiap aduan dapat disampaikan dan ditangani dengan berkesan, termasuk melalui Ahli Majlis dan wakil-wakil pada peringkat komuniti.

"Di kawasan ini, kita mempunyai 10 MPKK di bawah pengurusan Pejabat Pegawai Khas Ketua Menteri yang sentiasa bersedia membantu rakyat.

"Slogan kita adalah sentiasa bersedia berkhidmat di luar bandar, justeru jika terdapat sebarang kekurangan atau isu, penduduk boleh terus menghubungi mana-mana saluran yang ada," ulasnya lanjut.

Tambah Hock Peng, pendekatan turun padang yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri membuktikan kesungguhan pimpinan dalam mendengar sendiri permasalahan rakyat di lapangan.

"Terima kasih kepada Ketua Menteri yang sentiasa komited turun padang untuk mendengar masalah rakyat.

"Pintu kami sentiasa terbuka, sama ada untuk mesyuarat, aduan atau sebarang perbincangan bersama penduduk," ujarnya.

Reezal Merican turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan Kerajaan



**KETUA Menteri sempat meluangkan masa beramah-mesra dengan pengunjung kedai kopi di sini pada siri Jelajah CM Chow ke Parlimen Kepala Batas pada 11 April lalu.**

Persekutuan kerana sentiasa memberi perhatian terhadap setiap permasalahan yang dihadapi oleh penduduk Kepala Batas, khususnya di Bertam.

Menurutnya, kehadiran pemimpin di peringkat negeri dan Persekutuan dalam program turun padang disifatkan sebagai bukti keprihatinan kerajaan dalam mendengar serta menyelesaikan isu rakyat.

"Kita cukup bertuah menerima kehadiran dua pemimpin besar iaitu Menteri Persekutuan dan Ketua Menteri.

"Kedua-dua pemimpin ini sememangnya dikenali sebagai individu yang sentiasa mendengar suara rakyat dan berusaha menyelesaikan isu yang dibangkitkan," kata beliau.

Menurut Reezal Merican, kawasan tersebut sebelum ini turut menerima pelbagai bentuk bantuan hasil keprihatinan kedua-dua pemimpin berkenaan, termasuk ketika Chee Keong menerajui Kementerian Sumber Manusia.

Dalam pada itu, beliau turut berkongsi bahawa pendekatan turun padang memberi peluang kepada pemimpin untuk melihat sendiri keadaan sebenar rakyat.

"Apabila rakyat berdepan kesusahan, ia tidak dapat disembunyikan dan boleh dilihat melalui riak wajah mereka, dan ini memberi gambaran jelas kepada pemimpin tentang situasi sebenar yang dihadapi.

"Berbanding hanya mendengar pandangan secara formal, turun padang membolehkan pemimpin menilai keadaan secara langsung dan memahami keperluan rakyat dengan lebih mendalam," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau sekali lagi merakamkan penghargaan kepada barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan Persekutuan atas komitmen berterusan dalam membantu dan membela nasib rakyat di kawasan berkenaan.

TAMAN LAVENDER
HAKMILIK KEKAL



RUMAH TERES 2 TINGKAT (JENIS A)
Keluasan Tanah : 109mp (min) - 227mp (max)
Keluasan Binaan : 185mp (min) - 225mp (max)
Harga Jualan : RM754,000.00 (min) - RM917,000.00 (max)
Bilangan Unit : 114 Unit



RUMAH TERES 2 TINGKAT (JENIS B)
Keluasan Tanah : 102mp (min) - 280mp (max)
Keluasan Binaan : 168mp (min) - 199mp (max)
Harga Jualan : RM693,000.00 (min) - RM906,000.00 (max)
Bilangan Unit : 90 Unit

PALMINGTON SDN. BHD.
Co. No.: 201001007619 (892241-W)
12-01, Penthouse, Wisma Pantai,
Jalan Wisma Pantai,
Kampung Gajah, 12200 Butterworth.
Tel : 04-3240088 Fax : 04-3240090
Email: sales@tambunindah.com

No. Lesen Pemaju : 11882/01-2029/1470(A)
No. Permit Iklan & Jualan : 11882-28/11-2027/0965(A)-(L)
Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan : MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
No. Ruj Pelan Bangunan : MBSP/40/20-75/85(12) & MBSP/40/20-75/85(PR1)(27)
Tarikh Pemajuan Dijangka Siap : OCT 2027
Jenis Pegangan Tanah: HAKMILIK KEKAL
Sekatan Kepentingan : TIADA
Bebanan Tanah : TIADA

Tempoh Sah : 20/01/2024- 19/01/2029
Tempoh Sah : 14/11/2025 - 13/11/2027
Bilangan Unit:
Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis A) - 114 Unit
Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis B) - 90 Unit

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA.
MAKLUMAT PEMAJUAN DAN IKLAN YANG DILULUSKAN BOLEH DISEMAK DI PORTAL TEDUH.KPKT.GOV.MY

5% Diskaun Untuk Bumiputera

# Keluasan banjir dikurangkan 96 peratus



**KETUA Menteri bersama pimpinan negeri dan Ooi Soon Lee (depan, kanan sekali) meninjau sistem tebatan banjir di Solok Van Praagh di sini baru-baru ini.**

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BATU LANCANG –** Kerajaan Negeri memperuntukkan RM5.718 juta bagi menyiapkan kolam takungan bawah tanah 2,200 meter persegi berkapasiti 5,000 meter padu sebagai projek tebatan banjir di Solok Van Praagh.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa sistem takungan bawah tanah yang terbesar dan pertama di Pulau Pinang tersebut bertujuan menangani banjir yang lazimnya berlaku kira-kira tiga kali setahun di sekitar kawasan ini.

"Maka matlamat utama projek ini adalah membina sebuah kolam takungan bawah tanah yang dapat menyimpan air semasa hujan untuk dialirkan ke kolam takungan ini, dan disimpan sementara waktu.

"(Dan) ia akan dipam keluar seperti yang kita saksikan apabila aras Sungai Jelutong rendah sebagai satu kaedah menangani masalah banjir.

"Ini adalah pelan mitigasi banjir yang mempunyai reka bentuk kapasiti tertentu, yang mana lazimnya banjir kilat akan dapat ditangani dengan berkesannya, namun, ia tetap mempunyai had terutamanya melibatkan hujan sangat lebat serta luar biasa," ujarnya ketika mengadakan lawatan ke Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Solok Van Praagh di sini 4 Mei lalu.

Hadir sama, Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong; Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N Rayer; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Mohamed Abdul Rahman dan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang, Lt. Kol. Bersekutu (PA) Ooi Soon Lee.

Tambah Kon Yeow, menerusi maklumat yang diterima daripada penduduk kepada wakil rakyat setempat, tiada lagi kejadian banjir kilat di kawasan tersebut sehingga kini, walaupun beberapa fenomena hujan lebat berlaku baru-baru ini selepas projek tersebut siap 7 Februari lepas.

"Kini, projek pembaikan rumah-rumah penduduk yang terkesan akibat projek ini yang dijalankan sejak 1 Jun 2022 sedang diberikan tumpuan.

"Ketika ini, kita pun bertanggungjawab terhadap para penduduk yang mungkin mengalami sebanyak kerosakan pada rumah mereka semasa projek ini dilaksanakan.

"Kerja-kerja pembaikan rumah-rumah ini sedang berjalan dan akan disempurnakan secepat mungkin," jelasnya merangkap Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi.

Dalam pada itu, Soon Lee memaklumkan bahawa projek tersebut direka bagi mengurangkan risiko banjir dengan tahap perlindungan sehingga 10 *Average Recurrence Interval* (ARI) iaitu hujan lebat yang secara purata berlaku sekali dalam tempoh 10 tahun.

"Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, pelaksanaan projek ini dijangka dapat mengurangkan keluasan banjir daripada 4.22 hektar kepada hanya sekitar 0.16 hektar melibatkan pengurangan 96 peratus daripada keadaan asal.

"Penggunaan kolam takungan bawah tanah ini juga adalah pendekatan yang sesuai bagi kawasan bandar yang mempunyai kekangan ruang, tanpa menjejaskan penggunaan tanah di permukaan," ulasnya lanjut.




ATLET CEMERLANG AKADEMIK

# Hebat di gelanggang

## tiga atlet buktikan 9A bukan mustahil



AKSI Ivan Chang Jia Yu ketika menyertai salah satu perlawanan tidak lama dahulu.



IVAN Chang Jia Yu.



S.A. Limeetha.




SEBAHAGIAN daripada 26 penerima Insentif Galakan SPM di bawah PACE bergambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri dan barisan tetamu kehormat lain sejurus Majlis Penyerahan Insentif PACE di sini pada 13 April lalu.

**MEMBAHAGIKAN** masa antara sukan dan pelajaran merupakan antara cabaran besar yang sering dihadapi oleh pelajar, khususnya mereka yang aktif dalam bidang sukan.

Namun, dengan pengurusan masa yang betul, ia bukan sesuatu yang mustahil kerana seseorang atlet mampu mencapai kejayaan dalam bidang sukan dan akademik secara serentak.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar, **ALISSALA THIAN** sempat menemu ramah tiga atlet remaja yang cemerlang dalam sukan dan berjaya memperoleh 9A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu.

Tiga atlet tersebut ialah **IVAN CHANG JIA YU** yang merupakan atlet skuasy, **S.A. LIMEETHA** (skuasy) dan **KENNARD MARTIN** (*floorball*).

Susulan kecemerlangan mereka dalam bidang sukan dan akademik, ketiga-tiga mereka menerima biasiswa Insentif Galakan SPM, dengan ganjaran sebanyak RM100 bagi setiap gred A yang diperoleh.

Selain itu, mereka turut menerima Insentif Subsidi Kelas Tuisyen SPM sebelum ini sebagai sokongan tambahan dalam persediaan menghadapi peperiksaan.

Membuka bicara, Limeetha memberitahu bahawa minatnya dalam sukan skuasy bermula seawal usia enam tahun selepas melihat ratu skuasy negara, Dato' Nicol Ann David di dada akhbar.

"Saya tanya kepada ayah ini siapa? Ayah cerita tentang beliau (Nicol), selepas daripada itu saya terus menceburkan diri dalam sukan tersebut," ujarnya.

Sejak itu, minatnya tidak pernah pudar, malah semakin berkembang seiring usia dan komitmen yang kian meningkat.

Jia Yu pula berkongsi bahawa minatnya terhadap sukan skuasy tercetus kerana kemudahan gelanggang yang terdapat di kediamannya, sekali gus membolehkannya mengisi masa lapang sejak kecil dengan bermain sukan tersebut.

Sementara itu, Kennard mendedahkan bahawa penglibatannya dalam sukan *floorball* dipengaruhi oleh abangnya, selain mengakui bahawa sukan tersebut masih baharu di negara ini.

### Lebih bertanggungjawab terhadap masa

Bercakap mengenai kecemerlangan dalam sukan dan akademik, ketiga-tiga atlet muda tersebut sependapat bahawa pengurusan masa merupakan kunci utama kejayaan mereka.

"Apabila masuk dalam bidang sukan, sebenarnya kita akan lebih bertanggungjawab terhadap masa.

"Kita akan uruskan masa dengan lebih berhati-hati tanpa mahu rasa terbuang, ini akan menjadikan kita lebih cergas, cerdas dan sangat membantu dalam pembelajaran," kata Limeetha.

Menurutnya, kejayaan tidak hadir tanpa pengorbanan. Ada ketikanya cabaran dan tekanan perlu dihadapi, namun beliau memilih aktiviti seperti bermain *puzzle* dan sudoku sebagai terapi untuk menenangkan diri.

"Saya juga bertuah kerana menerima sokongan keluarga, kawan-kawan, guru-guru untuk saya mengharungi liku-liku seorang atlet dan mengejar kecemerlangan akademik.

"Berada di aliran sains adalah cukup mencabar terutamanya subjek Grafik Komunikasi Teknikal (GKT), namun keluarga dan rakan-rakan amat memainkan peranan penting dalam membantu saya mendalami subjek ini kerana ia melibatkan kreativiti," jelasnya.

Selepas ini, Limeetha bercadang menyambung pengajian pada peringkat *A-Level* dan sekiranya diberikan peluang berkecimpung dalam bidang kejurulatihan.

"Dari situ, mungkin saya boleh mendapatkan dana untuk menyambung pelajaran saya juga," jelas bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Onn itu.

Bagi Jia Yu, beliau berharap kejayaannya dapat menjadi inspirasi kepada remaja lain yang ingin menceburi bidang sukan pada peringkat lebih tinggi.

Beliau tidak menafikan bahawa menyeimbangkan sukan dan pelajaran merupakan satu cabaran yang memerlukan motivasi tinggi serta disiplin yang kuat.

"Jadual saya juga sangat padat, balik dari sekolah, jam 4 petang, saya perlukan rehat sebentar, lepas itu baru ada tenaga untuk berlatih.

"Berkenaan latihan itu memang mencabar, tetapi saya bernasib baik sebab dekat rumah memang ada gelanggang skuasy, jadi tidak perlu pergi terlalu jauh untuk latihan.

"Bagi berdepan cabaran dalam pelajaran pula, saya menggunakan mentaliti yang diterapkan dalam sukan, iaitu cabaran mendapatkan mata demi mata dalam arena sukan adalah memang susah, justeru, ia dipraktikkan dalam pelajaran juga," maklum pelajar SMK Bukit Jambul itu.

Mengulas mengenai sokongan keluarga, Jia Yu berkata beliau pernah diberikan pilihan sama ada untuk memberi fokus kepada sukan atau pelajaran menjelang SPM.



KETANGKASAN S.A. Limeetha di gelanggang sering mendapat pujian.

Namun, melalui perancangan rapi, beliau berjaya membahagikan masa antara pelajaran dan sukan.

Hasilnya, beliau akan berangkat ke Kuala Lumpur dalam masa terdekat untuk menyertai kem skuasy kebangsaan.

Di sana, beliau akan menyambung pelajaran di salah sebuah kolej swasta yang dikatakan mampu menyediakan jadual fleksibel mengikut jadual latihannya.

Jia Yu turut menitipkan nasihat kepada remaja agar mengurangkan penggunaan media sosial dan telefon pintar demi memberi tumpuan kepada pelajaran.

"Selain itu, buat persiapan awal tahun juga, supaya apabila dekat SPM anda tidak terlalu tertekan," kongsinya.

Sebagai penjaga gol dalam sukan *floorball*, setiap detik di gelanggang menuntut fokus maksimum, kata Kennard. Walaupun sukan itu masih dianggap baharu di negara ini, minatnya berkembang menjadi satu tanggungjawab, lebih-lebih lagi apabila beliau memikul posisi penjaga gol yang sarat dengan tekanan.

"Kesilapan kecil boleh membawa padah, dan tekanan itu dibawanya ke dalam dunia akademik sebagai dorongan untuk terus cemerlang.

"Oleh itu saya menggunakan 'tekanan' tersebut sebagai pemangkin bagi mencapai kecemerlangan dalam pelajaran.

"Di pihak keluarga pula, mereka sering ingatkan saya bahawa walau apapun, pelajaran tetap nombor satu, walau hebat macam mana pun dalam sukan," ulasnya yang juga merupakan penuntut di SMK Bukit Jambul.

Selepas ini, Kennard menyimpan hajat menyambung pelajarannya ke peringkat *A-Level* di luar negara, sebelum kembali berkhidmat di Malaysia suatu hari nanti.

Beliau turut mengakui bahawa sukan *floorball* agak baharu dan masih memerlukan ruang secukupnya untuk berkembang.

Di penghujung pertemuan, ketiga-tiga mereka tidak lupa merakamkan penghargaan kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) atas sokongan yang diberikan.

Lebih daripada sekadar insentif, ia menjadi simbol kepercayaan bahawa anak muda mampu melangkah jauh bukan sahaja sebagai atlet, tetapi juga sebagai pelajar yang berdaya saing.

Kisah mereka adalah bukti bahawa kejayaan bukan datang daripada satu pilihan semata-mata, tetapi keberanian untuk menggalas kedua-duanya dengan disiplin, sokongan dan keyakinan yang tidak pernah luntur.



KENNARD Martin hadir bersama-sama ibunya ketika ditemu bual oleh Buletin Mutiara.

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 012 - 500 1571 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>n19dunjawi@gmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Rashidi Bin Zinol<br>n21sgachehpk@gmail.com | (T) 04 - 593 2408<br>(F) |
